



BAHAGIAN BUKU TEKS
(Textbook Division)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
(Ministry of Education Malaysia)
ARAS 1-3, BLOK E15, KOMPLEKS E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 4498
Faks: 03-8889 6859
Laman Web: <http://www.moe.gov.my/bbt>

"1MALAYSIA RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

KP.BT.8945/Jld.30/(51)
23 Julai 2009
1 Syaaban 1430

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

YBhg. Datuk/Dato/Tuan,

SURAT ARAHAN PENTADBIRAN

Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT):

- Cadangan Tempoh Memegang Jawatan Guru SPBT Sekolah.

Dengan hormatnya Bahagian ini merujuk perkara kepada perkara di atas.

2. Bahagian ini ingin memaklumkan bahawa hasil daripada lawatan pemantauan dan pemeriksaan pengurusan SPBT ke sekolah-sekolah di seluruh negara mendapati bahawa terdapatnya jawatan Guru SPBT Sekolah yang sentiasa ditukar ganti setiap tahun tanpa mengambil kira latar belakang pengalaman seseorang Guru SPBT. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato/Tuan, pengurusan SPBT sekolah memerlukan kemahiran teknikal yang di antaranya adalah membuat permohonan, peminjaman, pemulangan dan mengendali stok buku teks serta penggunaan Sisteksbbt secara berkomputer. Oleh yang demikian seseorang Guru SPBT itu memerlukan masa dan pengalaman untuk mendapat kemahiran teknikal mengurus buku teks dalam tempoh satu tahun. Walau bagaimanapun setelah mendapat kemahiran teknikal tersebut, Guru SPBT tersebut telah digantikan dengan Guru SPBT yang baru apabila sesi tahun baru persekolahan dibuka. Hal ini akan menimbulkan semula masalah dalam pengurusan SPBT yang sentiasa diberi teguran oleh Jabatan Audit Negara.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini ingin mencadangkan agar semua Guru SPBT Sekolah di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Dato/Tuan dapat diselaraskan untuk memegang jawatannya sekurang-sekurangnya TIGA(3) TAHUN agar ianya dapat memberikan tempoh masa yang cukup bagi guru tersebut memantapkan pengurusan SPBT sekolah dan seterusnya dapat memberikan tunjuk ajar kepada pelapis yang akan menggantikannya selepas tempoh tersebut.

4. Justeru itu, Bahagian ini ingin memohon kerjasama untuk dipertimbangkan cadangan ini dan sekiranya dipersetujui dapatlah perkara ini dipanjangkan kepada semua sekolah di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Dato/Tuan.

Atas kerjasama dan keprihatinan YBhg Datuk/Dato/Tuan dalam hal ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(HAJI MOHD ADENAN BIN DERAMAN)

Pengarah

Bahagian Buku Teks

Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan

Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k

- i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Pendidikan
- iv. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
- v. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh/Kluster
- vi. Fail BBT/SPBT